

3 Lihat gambar di bawah. Suaikan, kemudian tulis ayat yang telah lengkap di ruang yang disediakan. 2



- | | | |
|---|--|---------------------------|
| 1 | Para penduduk Taman Senandung _____ | • di kawasan kejiranan |
| 2 | Sikap penduduk Taman Senandung _____ | • sedang bergotong-royong |
| 3 | Mereka memotong rumput yang panjang _____ | • tidak tersumbat |
| 4 | Ada penduduk mencuci longkang supaya _____ | • wajar dicontohi |

C Isi tempat kosong dalam petikan dengan perkataan yang betul. **TP 3**

kampung

nyamuk

gotong-royong

tin-tin
minuman

tong kitar
semula

Melur dan adiknya Melati tinggal di sebuah (1) _____ yang bernama Kampung Sepakat. Jiran-jiran mereka sangat baik. Pada suatu hari, ada penduduk di Kampung Sepakat dijangkiti demam denggi.

Ketua Kampung mencadangkan agar diadakan (2) _____ membersihkan kawasan kampung. Para penduduk bersetuju dengan cadangan ketua kampung. Pada hari tersebut, Melur, Melati dan para penduduk kampung membersihkan kampung mereka. Melur membuang bekas-bekas yang berisi air bertakung. Mereka juga mengumpul (3) _____ kosong lalu dibuang ke dalam (4) _____.

Semua tempat yang mempunyai potensi air bertakung telah dibersihkan agar tidak ada (5) _____ aedes yang membiak. Semua penduduk kampung berasa gembira kerana kampung mereka kini telah bersih.

D Nyatakan perasaan kamu dalam ayat di bawah. **TP 4**

1 Jiran kamu akan mengadakan kenduri majlis perkahwinan. Kamu dan keluarga membantu jiran kamu itu. Perasaan kamu ialah _____

2 Kamu dan jiran-jiran kamu bergotong-royong membina jambatan baharu untuk penduduk kampung. Perasaan kamu ialah _____

3 Kamu membantu jiran-jiran kamu mencuci longkang di kawasan perumahan. Perasaan kamu ialah _____

4 Kamu dan jiran-jiran bergotong-royong membaik pulih kampung selepas dilanda ribut. Perasaan kamu ialah _____

E Bulatkan cara menyelesaikan masalah yang betul bersama jiran kamu.

5

6

1 Longkang di sekitar kawasan perumahan anda tersumbat.

- Cara: **A** Menyuruh jiran membersihkan longkang tersebut.
B Membersihkan longkang tersumbat bersama-sama jiran.

2 Risalah-risalah itu tidak dapat diedarkan.

- Cara: **A** Kamu dan rakan mengedarkan risalah-risalah itu.
B Kamu tidak melakukan apa-apa.

3 Pokok-pokok bunga di dewan orang ramai mati kerana tidak dijaga.

- Cara: **A** Jiran tetangga bergotong-royong menanam semula pokok bunga.
B Jiran tetangga hanya memerhatikan sahaja perkara itu.

4 Pinggan mangkuk tidak dicuci semasa majlis perkahwinan.

- Cara: **A** Bergotong-royong mencuci pinggan mangkuk.
B Buat tidak nampak pinggan mangkuk tersebut dan mengharapkan orang lain akan mencucinya.

5 Jiran baharu, Amirul iaitu keluarga Gopal sedang mengangkat barang-barang ke dalam rumah.

- Cara: **A** Tidak mengendahkan jiran baharu.
B Membantu jiran mengangkat barang-barangnya.